

Warga asing kuasai PKS Lembah Klang

» Kebanyakan masuk sebagai buruh, kemudian menjadi peniaga

Oleh Muhammad Mustakim Ramli
m.mustakim@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lebih 50,000 peniaga asing, termasuk 25,000 yang berniaga tanpa lesen dikesan sudah menguasai perniagaan kecil dan sederhana (PKS) di sekitar Lembah Klang.

Malah, kajian Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (IKHLAS) mendapati 90 peratus perniagaan kecil

di kawasan tertentu seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), Jalan Masjid India dan Bukit Bintang sudah dikuasai warga asing.

Presidennya, Ridzuan Abdullah, berkata kajian pihaknya pada 2011 mendapati ketika itu hanya 20,000 peniaga asing yang menjalankan perniagaan kecil dan sederhana di Lembah Klang.

"Mereka mula menjalankan perniagaan kecil pada awal tahun 2000 dan jumlah mereka meningkat dari tahun ke tahun. Kebanyakan mereka masuk sebagai buruh untuk sektor tertentu, namun selepas dua tiga tahun mereka lari daripada majikan dan menjadi peniaga.

"Mereka yang sepatutnya pulang ke negara masing-masing memilih berniaga di negara ini selepas melihat rakan senegara hidup mewah dengan menjalankan pelbagai perniagaan," kata-

ISU PENDATANG ASING
2 JUTA 'GHAIB'
1.5 JUTA NAK
DIBAWA
MASUK

nya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas cadangan kerajaan untuk membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh dalam tempoh tiga tahun, iaitu 500,000 orang setiap tahun mulai tahun hadapan.

Tutup rezeki rakyat tempatan
Ridzuan bimbang tindakan itu akan menutup pintu perniagaan kepada warga tempatan.

"Jika hasrat itu diteruskan, IKHLAS bagi jaminan dalam tem-

poh tiga tahun iaitu menjelang tahun 2018, ratusan ribu peniaga warga asing akan menguasai perniagaan kecil di sekitar Lembah Klang," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak boleh menuding jari menyalahkan peniaga Melayu kerana menyewa premis kepada warga asing.

"Siasatan kita juga mendapati ada peniaga asing dilindungi persatuan peniaga kawasan mereka berniaga dengan mengenakan bayaran setiap bulan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PPKM), Datuk Che Wan Mohd Khalid Mohammad, berkata pihaknya bersetuju cadangan membawa masuk pekerja asing, khususnya bagi sektor pembinaan, bagaimanapun bukannya Bangladesh.



Ridzuan Abdullah

"Kita lebih mudah bekerja dengan pekerja Indonesia berbanding Bangladesh. Pekerja Bangladesh kerap menimbulkan masalah di tempat kerja selain kerap curi tulang," katanya.



Antara penempatan setinggan yang dipercayai dibina pendatang tanpa izin di dalam hutan bakau di Kampung Suang Parai, Menggatal, di Kota Kinabalu.

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]